



PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 1 TAHUN 2012

Kepada :

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Dato'/Tuan/Puan,

PINDAAN PERENGGAN 4.3 – BAYARAN SEWA HOTEL DALAM PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 4 TAHUN 2003 DAN SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 3 TAHUN 2010

Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan mengenai pindaan dalam **Perenggan 4.3 – Bayaran Sewa Hotel, Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kelantan Bilangan 4 Tahun 2003 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 3 Tahun 2010** bagi semua pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Perenggan 4.3.2 di bawah perenggan utama 4.3 adalah dipinda menjadikannya kepada klausa baru sebagaimana berikut:-

“seseorang pegawai yang terpaksa menyewa bilik hotel yang melebihi kelayakannya hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.”

3. Klausa di Perenggan 4.3.2 di bawah Perenggan Utama 4.3 didalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 4 Tahun 2003 adalah terbatal.

4. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2012 ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

ISLAM DIJUNJUNG, RAJA DISANJUNG, RAKYAT DIPAYUNG

TAHUN MELAWAT KELANTAN 2012

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

Ruj. Fail : P.K.N.A.1/9-1/Jld.8(22)
Bertarih : 02 Rabiulawal 1433Hijrah bersamaan
26 Januari 2012

s.k.

Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan